

# Malaysia 'penting' bagi Australia

BH-17/5/2007.

## Keperibadian PM disegani, cetus hubungan lebih rancak dalam pelbagai bidang

Oleh Jamhariah Jaafar

**W**ALAPUN baru dua bulan bertugas di Kuala Lumpur, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Penny Williams, sudah pun berulang alik antara kedua-dua negara, berikutan pelbagai program dua hala bagi merapatkan hubungan yang kini semakin erat.

Apa yang lebih memudahkan tugas Penny ialah pemimpin kedua-dua negara bersahabat dan hubungan dua hala yang turut mencecah usia 50 tahun, sama seperti usia kemerdekaan Malaysia, membuatkan Suruhanjaya Australia di sini sibuk merancang pelbagai program menjelang Ogos depan.

"Saya masih baru di sini dan masih banyak yang perlu dipelajari. Namun, dalam tempoh singkat ini saya sudah pun kembali ke Australia untuk menghadiri Pameran Kebaya Nyonya yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, serta menyertai pertemuan tidak formal beliau dengan Perdana Menteri saya, John Howard.

"Hubungan kedua-dua negara amat baik sekarang, apa lagi kedua-dua pemimpin menyukai satu sama lain. Perdana Menteri anda berkata: "John Howard adalah kawan saya, isteri beliau adalah sahabat isteri saya," kata Penny mengenai kenyataan Abdullah yang mendapat liputan meluas media massa Australia.

Akhbar *The Australia* dalam ruangan pendapat oleh Pengarang Luar Negara, Greg Sheridan, menulis artikel mengenai Abdullah bertajuk 'Quiet man is on our side' (Lelaki pendiam berada di pihak kita) yang menegaskan Perdana Menteri telah membuat satu kenyataan jelas bahawa beliau adalah sahabat Howard.

"Abdullah adalah paradoks. Dengan latar belakang agama Islam yang baik, beliau adalah seorang yang bersuara lembut, bukan pemimpin yang terlalu dramatik, terkenal dengan sifat pendiam, tetapi beliau adalah antara pemimpin Islam yang signifikan di dunia ini.

"Beliau adalah pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan memenangi pilihan raya umum Malaysia lalu dengan kejayaan besar," kata Sheridan, menggambarkan perwatakan Abdullah yang lembut tetapi tegas.

Mengenai hubungan Malaysia-Australia, Sheridan memetik Abdullah sebagai berkata: "Kita tidak meletakkan sebarang had kepadanya" dan Perdana Menteri Malaysia

itu katanya menawarkan potensi kepada Australia untuk meningkatkan hubungan erat ini serta kerjasama dalam pelbagai bidang.

"Hakikatnya ialah Malaysia adalah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, dan gaya hidup Islam mereka adalah lebih konservatif berbanding negara Islam lain di Asia Tenggara, kecuali Brunei. Ini adalah pencapaian terbaik kerajaan Howard dalam hubungan diplomasi dua hala bagi tempoh satu dekad terakhir ini," tulis Sheridan.

Gembira dengan laporan positif media Australia itu, Penny turut mengalu-alukan laporan Jawatankuasa Bersama Mengenai Hal Ehwal Luar, Pertahanan dan Perdagangan Australia dengan Malaysia yang disediakan Parlimen Australia, dengan memberi penekanan serius mengenai hubungan dua hala ini dalam aspek perkongsian serantau.

"Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada hubungan dengan Malaysia yang kini semakin positif. Bermula dengan pertukaran lawatan antara kedua-dua Perdana Menteri dalam tempoh dua tahun terakhir ini, kepada rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang sedang diadakan antara kedua-dua negara," kata Pesuruhjaya Tinggi yang berusia 43 tahun itu.

Antara langkah paling penting dalam hubungan ini kata Penny, adalah tindakan Kerajaan Australia mewujudkan Institut Australia-Malaysia pada 2005, bertujuan meningkatkan pengetahuan serta mempromosi persefahaman antara rakyat dan institusi Australia serta Malaysia, di samping mengembangkan hubungan antara rakyat.

Dalam sektor swasta pula, kewujudan Dewan Perniagaan Australia-Malaysia (AMBC) sejak 1990, selain mempromosi hubungan dagang, pelaburan, kerjasama dalam bidang ekonomi dan pelancongan, turut menumpu perhatian untuk membentuk hubungan persahabatan serta pengetahuan budaya antara rakyat kedua-dua negara.

"Ketika ini Malaysia adalah antara rakan dagang penting bagi Australia. Tahun lalu, Malaysia menjadi rakan dagang ketiga terbesar di kalangan anggota Asean dan menduduki tangga ke-11 dalam senarai keseluruhan untuk bidang perdagangan produk dan perkhidmatan dua hala.

"Justeru, saya percaya Laporan Jawatankuasa Bersama Parlimen ini akan merangsang lebih banyak minat dalam per-



**“Hubungan ini akan terus bertambah matang dan berubah. Tidak dinafikan akan wujud pelbagai cabaran, tapi saya percaya kedua-dua negara akan dapat melepasi semua halangan”**

**Penny Williams**  
Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia

kongsian utama dan pasaran serantau," jelas Penny.

Jawatankuasa Parlimen itu turut melihat usaha membentuk produk halal, di samping mengakui beberapa cabaran yang bakal dihadapi kedua-dua negara termasuk saingan dengan negara China; perlindungan harta intelek; produk tiruan; peraturan Malaysia membabitkan ekuiti asing; serta akreditasi membabitkan kursus di pusat pengajian tinggi.

"Jawatankuasa ini menyedari semua isu dan cabaran yang ada kerana ia adalah sebahagian daripada rundingan FTA yang

sedang berlangsung antara kedua-dua negara.

"Daripada bukti yang ada, Jawatankuasa Parlimen percaya kedua-dua negara mengadakan rundingan dengan niat baik dan beberapa kemajuan sudah dicapai," katanya merujuk kepada laporan Parlimen membabitkan usaha mewujudkan FTA dengan Malaysia.

Turut menjadi kebimbangan Jawatankuasa Bersama Parlimen ini ialah peningkatan jumlah pemegang passport Malaysia yang tidak dibenar memasuki negara itu, serta jumlah pelawat yang melanggar peraturan visa ditetapkan.

"Jawatankuasa ini mencadangkan kepada Jabatan Imigresen dan Kerakyatan supaya mengkaji semula alasan terhadap peningkatan semua kes ini dan menyediakan strategi yang membolehkan menteri menangani masalah ini," kata Penny memetik laporan jawatankuasa terbabit.

Mengakui hubungan Malaysia dan Australia erat dalam bidang pendidikan sejak dari zaman pemberian Biasiswa Rancangan Colombo pada 1950-an, Penny berkata, tumpuan lebih besar akan diberikan termasuk meningkatkan jumlah pelajar Australia ke Malaysia, terutama bagi mengikuti kursus ditawarkan oleh kampus cawangan Universiti Monash di negara ini.

"Kami mengakui selama ini hubungan dua hala lebih banyak menyebelahi Malaysia. Kerana itu kami semakin memberi galakan kepada universiti, perniagaan dan agensi kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar Australia ke Malaysia. Apa yang penting ialah mereka perlu diberi sokongan serta bantuan kewangan dan profesional.

"Malaysia kini adalah sebuah negara yang secara strateginya penting bagi Australia dan adalah penting untuk minat serta pengetahuan mengenai budaya dan agama di Malaysia turut didedahkan kepada rakyat Australia," kata ibu kepada empat anak ini.

Laporan Jawatankuasa Parlimen ini ternyata mengubah skop hubungan dua hala Malaysia-Australia, daripada sekadar memberi sokongan dan bantuan pada peringkat awal dan pertengahan kewujudan Malaysia, kepada kerjasama semakin erat antara dua negara perdagangan besar.

"Hubungan ini akan terus bertambah matang dan berubah. Tidak dinafikan akan wujud pelbagai cabaran, tapi saya percaya kedua-dua negara akan dapat melepasi semua halangan yang ada," kata Penny.